Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.**

1 Isu pencemaran alam sekitar mampu diatasi menerusi _____ kempen kesedaran yang efektif.

A penganjur **C** menganjuri
B menganjur **D** penganjuran

2 Pencemaran akan meninggalkan kesan jangka panjang _____ kehidupan manusia dan alam sekitar.

A pada
B untuk
C kepada
D daripada

Soalan 3

Ayat di bawah **mungkin betul** *dan* **mungkin salah.** *Jika* **terdapat kesalahan,** *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A, B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D.**
Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

3 Kerajaan menyediakan (A) dana khas untuk (B) pengamal industri yang mempraktikkan (C) amalan hijau. Tiada kesalahan. (D)

Ulasan Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 7 Jawapan pilihan yang paling sesuai ialah B: III dan IV sahaja. Dalam ayat I dan II, kata ***sebak*** tidak sesuai digunakan. Kata ***sebak*** dalam ayat III bermaksud digenangi air mata. Kata ***sebak*** dalam ayat IV bermaksud penuh dan banyak airnya.

Soalan 4 – 5

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A, B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan.**

4 Pertanian bandar dan Program Bumi Hijau pada dasarnya ialah untuk memanfaatkan kawasan kosong di sekeliling rumah.

A ialah memanfaat kawasan kosong
B adalah memanfaatkan kawasan kosong
C adalah untuk memanfaatkan kawasan kosong
D ialah untuk memanfaatkan kawasan kosong

5 Kitar semula sangat penting kerana dapat menjimatkan penggunaan sumber semula jadi di samping dapat menjamin kebersihan alam sekitar.

A jimat penggunaan sumber semula jadi
B menjimat gunaan sumber semula jadi
C menjimatkan gunaan sumber semula jadi
D menjimatkan penggunaan sumber semula jadi

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang **betul.**

6 I Matlamat utama Kempen Bumi Hijau ialah untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam.
II Bahan kimia yang terkandung dalam polistirena boleh meningkatkan kadar pemanasan global.
III Kebelakangan ini, alam sekitar semakin tercemar.
IV Pihak kerajaan harus memainkan peranan penting untuk membendung masalah pencemaran alam sekitar.

A I dan II sahaja **C** I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja **D** II, III dan IV sahaja

LIVEWORKSHEETS